

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

KKM siasat satu lagi kes doktor didakwa mati akibat kena buli

Kementerian mungkin tubuh jawatankuasa bebas laksana siasatan menyeluruh

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyiasat satu lagi kes kematian membatalkan pengamal perubatan di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, didakwa berpunca akibat dibuli ketika dalam perkhidmatan.

Mendedahkan perkara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata siasatan dalaman bagi kes terbabit dibuat sejurus KKM menerima aduan mengenainya.

Beliau ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) juga tidak menolak kemungkinan menubuhkan jawatankuasa bebas bagi meneliti kes terbabit secara menyeluruh sebelum tindakan lanjut diambil.

"Saya maklum ada pihak mendakwa KKM lewat mengambil tindakan bagi membendung kes buli dalam kalangan pengamal perubatan tetapi kementerian sebenarnya terus membuat siasatan dalaman sejurus menerima

aduan, sama seperti dilakukan pada 2018.

"Ini termasuk kes yang tidak diketahui Yang Berhormat di mana ada kes kematian di Hospital Seberang Jaya, dikatakan akibat dibuli dan saya sedang menunggu dapatan daripada siasatan dalaman yang dilakukan," katanya.

Beliau mengulas dakwaan KKM lewat mengambil tindakan untuk membendung gejala buli dalam kalangan doktor, mengakibatkan kejadian sedemikian kerap berulang ketika sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur), Dr Dzulkefly berkata, hasil siasatan jawatankuasa bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian pakar perubatan patalogi di Hospital Lahad Datu, Sabah akan didedahkan kepada umum kelak.

Beliau juga memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak terbabit, jika terbukti ada unsur buli dalam kes berkenaan, biarpun dapatan jawatankuasa bebas mungkin mendapati tiada unsur jenayah dikaitkan dengan kematian pakar itu.

"Pada 2018, saya pernah memecat ketua jabatan di hospital kendalian KKM di Lembah Klang selepas didapati membuli doktor lain, biarpun dia ketika itu sudah berpangkat JUSA. Tindakan ini hasil siasatan jawatankuasa bebas berkaitan buli, sebelum ini.

"Justeru, saya lebih gemar mengambil sikap untuk mendedahkan dapatan ini atas prinsip



Dr Dzulkefly ketika sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

akauntibiliti dan ketelusan dan mustahak untuk ia dilakukan sedemikian supaya semua pihak dapat mengambil iktibar, terutama dalam kalangan Ahli Parlimen.

"Kita (Ahli Parlimen) perlu tahu perkara ini secara terperinci bagi memastikan dasar baharu yang digubal nanti boleh berpancukan maklumat tepat," kata Ahli Parlimen Kuala Selangor itu.

Beliau berkata, pasukan petugas khas dipengerusikan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Borhan Dollah,

ditubuhkan pada 10 Oktober lalu sejurus siasatan dalaman ke atas kes kematian pakar patalogi Hospital Lahad Datu, selesai dilaksanakan KKM.

Siasatan terperinci

Katanya, pasukan berkenaan akan menjalankan siasatan terperinci secara bebas dan inklusif, seterusnya menganalisis semua input daripada siasatan dijalankan serta mengenal pasti punca kes kematian dan mengesahkan, sama ada benar wujud perlakuan buli.

Pasukan berkenaan juga akan menyediakan laporan lengkap berhubung hasil siasatan dan penelitian dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penubuhannya.

"KKM tidak berkompromi dengan isu buli. Berdasarkan aduan kes buli sebelum ini, KKM mengambil sikap tegas dan telus dengan melaporkan hasil siasatan sejurus selesai," katanya.

Mengenai inisiatif bagi mengelak gejala buli berulang, beliau berkata, sistem MyHELP sudah dilancarkan bagi membolehkan pegawai menyalurkan aduan secara terus kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat KKM tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan, pada 1 Oktober 2022.

Selain itu, katanya, Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS) diwujudkan dan akan turun ke lapangan bagi mengenal pasti petugas kesihatan yang memerlukan bantuan awal psikologi (PPA).

Menyediakan program sokongan kepada pegawai perubatan dan petugas kesihatan lain, 'Kintsukuroi' di hospital tertentu serta memperkenalkan program House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing and Support (HEARTS) di peringkat hospital bagi memberi sokongan dan membina daya tahan pegawai perubatan siswazah.

Garis Panduan Pengurusan Buli di Tempat Kerja Bagi Anggota KKM melalui Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) turut dikeluarkan bertujuan antaranya meningkatkan kesedaran petugas kesihatan berhubung isu buli di tempat kerja.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL



PERDANA Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) menunjukkan beg berisi dokumen Belanjawan 2025 ketika hadir meninjau persiapan penyediaan Belanjawan 2025 di Kementerian Kewangan, semalam.

UTAMA LANGKAH PENCEGAHAN & PROMOSI KESIHATAN

Fokus penjagaan kesihatan premier

**MENJELANG
BELANJAWAN
2025**

Kuala Lumpur

Penjagaan kesihatan premier yang berfungsi menggalakkan saringan awal, pencegahan penyakit dan mempromosikan gaya hidup sihat antara tumpuan yang perlu diberikan penekanan dalam Belanjawan 2025.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata penekanan terhadap penjagaan berkenaan langkah yang perlu diambil untuk memastikan sistem kesihatan yang lebih mapan dan mampu menangani cabaran penyakit kronik yang kian meningkat.

"Saya mahu mengubah pendekatan kepada penjagaan kesihatan yang sebenar bukan hanya tertumpu kepada rawatan penyakit atau *sick care* semata-mata tetapi fokus harus diberikan kepada langkah pencegahan dan promosi kesihatan bagi mengurangkan beban penyakit kronik seperti jantung, strok, HIV dan kanser.

"Saya yakin belanjawan kali ini akan mengalami trend peningkatan namun dalam hal ini bukan peruntukan itu yang akan menentukan kejayaan tetapi bagaimana ia dibelanjakan dari sudut kecekapan, efisien dan kepentingan keutamaannya," katanya kepada Bernama.

Dr Dzulkefly berkata sekiranya pencegahan itu diper-

tingkatkan ia dapat mengurangkan kesesakan di hospital yang sering menjadi masalah kerana ramai pesakit yang memerlukan rawatan lanjutan.

Beliau berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited dalam mengembangkan fasiliti hospital termasuk fasiliti sekunder dan tertier namun usaha itu akan terus berhadapan dengan krisis penyakit kronik sekiranya tidak dicegah yang menjadi penyebab utama kematian seperti penyakit jantung, HIV, kemalangan kardiovaskular dan strok.

"Kita tidak boleh mengabaikan keperluan hospital namun kesihatan awam juga

sama penting, justeru dengan melaksanakan saringan awal dan memastikan rakyat kekal sihat kita dapat mengurangkan jumlah pesakit yang memenuhi hospital," katanya.

Beliau berkata meskipun peruntukan kesihatan bagi tahun ini sebanyak RM41.2 bilion sudah dianggap besar, kementerian berharap peruntukan itu tidak dikurangkan khususnya membabitkan penjagaan pesakit di hospital.

"Aspek utama yang perlu diberi perhatian ialah bagaimana peruntukan tersebut dibelanjakan dengan lebih cekap dan memfokuskan keutamaan sektor yang memerlukan," katanya.

Belanjawan 2025 akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan pada hari ini.

"Saya mahu ubah pendekatan kepada penjagaan kesihatan sebenar"
Dr Dzulkefly

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL

DIDAKWA AKIBAT DIBULI DI PULAU PINANG

Lagi kes doktor maut

Oleh Muhammad
Yusri Muzamir
yusri.mu-
zamir@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menyiast satu lagi kes kematian membabitkan pengamal perubatan di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, didakwa berpunca akibat dibuli ketika dalam perkhidmatan. Mendedahkan perkara itu, **Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (gambar)**, berkata siasatan dalaman bagi kes terbabit dibuat sejurus KKM menerima aduan mengenainya.

Beliau ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat)** juga tidak menolak kemungkinan menubuhkan jawatankuasa bebas bagi meneliti kes terbabit secara menyeluruh sebelum tindakan lanjut diambil.

"Saya maklum ada pihak mendakwa KKM lewat mengambil tindakan bagi membendung kes buli dalam kalangan pengamal perubatan, tetapi kementerian sebenarnya terus membuat siasatan dalaman sejurus menerima aduan, sama seperti dila-



kukan pada 2018. "Ini termasuk kes yang tidak diketahui Yang Berhormat di mana ada kes kematian di Hospital Seberang Jaya; dikatakan akibat dibuli dan saya sedang menunggu dapatan daripada siasatan dalaman yang dilakukan," katanya. Beliau mengulas dakwaan KKM lewat mengambil tindakan untuk membendung gejala buli dalam kalangan doktor, mengakibatkan kejadian sedemikian kerap berulang ketika sesi Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan **Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur)**, **Dzulkefly** berkata, hasil siasatan jawatankuasa bebas yang ditubuhkan bagi menyiast kematian pakar perubatan patalogi di Hospital Lahad Datu, Sabah akan didedahkan kepada umum

kelak.

Beliau juga memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak terbabit, jika terbukti ada unsur buli dalam kes berkenaan, biarpun dapatan jawatankuasa bebas mungkin mendapati tiada unsur jenayah dikaitkan dengan kematian pakar itu.

"Pada 2018, saya pernah memecat ketua jabatan di hospital kendalian KKM di Lembah Klang selepas mendapati membuli doktor lain, biarpun dia ketika itu sudah berpangkat Jusa. Tindakan ini hasil siasatan jawatankuasa bebas berkaitan buli, sebelum ini.

"Justeru, saya lebih gemar mengambil sikap untuk mendedahkan dapatan ini atas prinsip akauntibiliti dan ketelusan dan mustahak untuk ia dilakukan sedemikian supaya semua pihak dapat mengambil iktibar, terutama dalam kalangan Ahli Parlimen.

"Kita (Ahli Parlimen) perlu tahu perkara ini secara terperinci bagi memastikan dasar baharu yang digubal nanti boleh berpandukan maklumat tepat," kata Ahli Parlimen Kuala Selangor itu.

Beliau berkata, pasukan petugas khas dipengerusikan **bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,**

Tan Sri Borhan Dollah ditubuhkan pada 10 Oktober lalu, sejurus siasatan dalaman ke atas kes kematian pakar patalogi Hospital Lahad Datu, selesai dilaksanakan KKM.

Katanya, pasukan berkenaan akan menjalankan siasatan terperinci secara bebas dan inklusif, seterusnya menganalisis semua input daripada siasatan dijalankan serta mengenal pasti punca kes kematian dan mengesahkan, sama ada benar wujud perlakuan buli.

Pasukan berkenaan juga akan menyediakan laporan lengkap berhubung hasil siasatan dan penelitian dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penubuhannya.

"KKM tidak berkompromi dengan isu buli. Berdasarkan aduan kes buli sebelum ini, KKM mengambil sikap tegas dan telus dengan melaporkan hasil siasatan sejurus selesai," katanya.

Mengenai inisiatif bagi mengelak gejala buli berulang, beliau berkata, sistem MyHELP sudah dilancarkan bagi membolehkan pegawai menyalurkan aduan secara terus kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat KKM, tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan, pada 1 Oktober 2022.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Doktor maut dipercayai akibat dibuli di Pulau Pinang

KUALA LUMPUR – Satu lagi kes kematian membabitkan pengamal perubatan dipercayai akibat dibuli ketika dalam perkhidmatan di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang, sedang disiasat Kementerian Kesihatan (KKM).

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata, siasatan dalaman itu dibuat sejurus pihaknya menerima aduan berhubung perkara berkenaan.

Menurutnya, beliau juga tidak

menolak kemungkinan untuk menubuhkan jawatankuasa bebas bagi meneliti kes terbabit secara terperinci sebelum tindakan lanjut dilakukan.

"Saya maklum ada pihak mendakwa KKM lewat mengambil tindakan membendung kes buli dalam kalangan pengamal perubatan, tetapi Kementerian sebenarnya terus membuat siasatan dalaman sebaik aduan diterima seperti yang dilakukan



KERATAN Kosmo!
17 September 2024.

pada 2018.

"Ini termasuk kes yang tidak diketahui, yang mana ada kes kematian di Hospital Seberang Jaya, dikatakan akibat dibuli dan

saya sedang menunggu dapatan daripada siasatan dalaman yang dilakukan," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) sekali gus mengulas dakwaan KKM lewat mengambil tindakan untuk membendung gejala buli dalam kalangan doktor sehingga menyebabkan insiden seumpama-

nya berulang.

Dalam pada itu, beliau berkata, hasil siasatan jawatankuasa bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian pakar perubatan patalogi di Hospital Lahad Datu akan didedahkan kepada umum nanti.

Beliau memberi jaminan akan mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak yang terlibat jika terdapat bukti berunsurkan buli dalam kes berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

KKM siasat satu lagi kes doktor mati disyaki dibuli

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menyasat satu lagi kematian membabitkan pengamal perubatan di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang yang didakwa dibuli.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya melakukan siasatan dalaman sebaik sahaja menerima aduan berkaitan perkara tersebut.

"Saya maklum ada pihak mendakwa KKM lewat mengambil tindakan membendung kes buli dalam kalangan



DR DZULKEFLY

pengamal perubatan tetapi kementerian sebenarnya terus membuat siasatan dalaman selepas menerima aduan, sama seperti dilakukan pada 2018.

"Ia termasuk kes yang tidak diketahui, yang mana ada kes kematian di Hospital Seberang Jaya. Ia dikatakan akibat dibuli dan saya sedang menunggu dapatan siasatan dalaman yang dilakukan," katanya

bagi menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat)** berhubung

dakwaan KKM lewat mengambil tindakan membendung gejala buli.

Dr Dzulkefly turut mengulas soalan tambahan **Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur)** berhubung tindakan kementerian mengenai kematian pakar patologi kimia di Hospital Lahad Datu, Dr Tay Tien Yaa yang didakwa dibuli.

Menurutnya, kementerian telah mewujudkan satu jawatankuasa bebas untuk menyasat punca kematian itu.

Dr Dzulkefly berkata, kementerian bersedia berkongsi laporan akhir tersebut atas dasar kebertanggungjawaban dan prinsip ketelusan.

Jelasnya, perkara itu dilakukan agar semua pihak mengambil iktibar.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Pastikan pelaksanaan Akta 852 capai matlamat

MENTERI Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad membuat satu keputusan tepat apabila mengeluarkan kenyataan bahawa tidak akan mengubah pendirian terhadap pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang dikuatkuasakan bermula 1 Oktober lalu.

Beliau juga menyatakan, sebarang nasihat atau cadangan daripada industri komersial mengenai antirokok yang mahu Akta 852 ditangguhkan, tidak akan mengubah keputusan kerajaan itu.

Akta 852 merangkumi sekatan ketat terhadap pembekalan, pengiklanan, paparan dan promosi produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape.

Berdasarkan Kajian Global Adult Tobacco Survey (GATS) Malaysia 2023, peningkatan peratus pengguna vape amat ketara terutama dalam kalangan orang dewasa yang berusia kurang 50 tahun.

Perkembangan ini sangat membimbangkan dan kewujudan akta tersebut bertepatan dengan usaha kerajaan memastikan rakyat di negara ini hidup secara sihat.

Begitu juga dengan penggunaan vape dalam kalangan remaja telah meningkat saban tahun daripada 9.8 peratus pada 2017 kepada 14.9 peratus bagi 2022. Golongan tersebut mudah membeli produk berkenaan di kedai-kedai yang menjualnya.

Apabila Akta 852 berkuat kuasa, syarat lebih ketat terhadap peniaga rokok dan vape termasuk larangan mempamerkan produk tersebut secara terbuka di premis perniagaan.

Jika generasi muda yang bakal menjadi masa depan negara berdepan masalah kesihatan, apa akan terjadi kepada Malaysia? Lebih-lebih lagi negara berdepan dengan peningkatan perbelanjaan bagi kesihatan yang diketahui umum kini kian meningkat saban tahun.

Selain beberapa kawasan baharu seperti premis dobi dan tempat kerja sebagai kawasan larangan merokok menjadikan keseluruhan 28 lokasi.

Bagaimanapun, program advokasi berkaitan Akta 852 perlu diperluaskan kepada semua pihak terutama rakyat agar ia mencapai matlamatnya. Begitu juga dalam soal penguatkuasaan kerana ketika ini masih ramai yang tidak endah kepada larangan merokok di tempat yang telah digazetkan.

Satu kaedah penguatkuasaan berkesan perlu dilakukan kerana masih ramai yang merokok di kawasan larangan seperti restoran, sekali gus memberi kesan kepada mereka sekeliling.

Justeru, agensi penguatkuasaan yang terlibat perlulah lebih berani dan agresif untuk bertindak.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pembuli akan dipecat

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
dan **AIMAN ALI**

utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Pembuli dalam sektor perkhidmatan kesihatan awam bakal berdepan dengan tindakan maksimum termasuk dipecat sekiranya didapati bersalah.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad memberi jaminan Kementerian Kesihatan (KKM) tidak akan berkompromi bagi isu buli dalam kalangan doktor atau petugas kesihatan.

Kata beliau, KKM juga tidak akan menyembunyikan dapatan daripada siasatan oleh jawatankuasa bebas yang diwujudkan sebelum ini.

"Ini supaya semua pihak dapat mengambil iktibar sama ada pelaku mahupun dari sudut pembuat polisi dan pembuat dasar. Kita mesti tahu akan sebenar-benarnya perkara tersebut secara menyeluruh.



DZULKEFLY AHMAD

"Jangan lupa apa saya lakukan pada tahun 2018, ketika saya menubuhkan jawatankuasa bebas untuk menangani satu kes buli yang mana berakhir dengan dikenakan tinda-

kan dan pemecatan satu ketua jabatan di sebuah hospital di Lembah Klang," katanya semasa Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan daripada Howard Lee Chuan How (PH-Ipoh Timor) sama ada KKM akan mengemukakan dapatan dan laporan daripada jawatankuasa bebas yang menyiasat kes buli susulan kematian seorang pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu, Sabah.

Dr. Dzulkefly menafikan tuduhan bahawa beliau dan KKM bertindak lewat dalam menangani isu buli di hospital awam.

Katanya, KKM menubuhkan siasatan dalaman sejurus selepas kes buli berlaku di sesebuah hospital.

"Jangan mudah-mudah anggap begitu, ada satu kes kematian doktor di Hospital Seberang Jaya yang juga didakwa sebagai kes buli, saya perhatikan apa dapatan, data dan informasinya. Saya tidak mudah mengambil sikap untuk melompat ke konklusi lalu membuat tuduhan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : FORUM

Lindungi generasi akan datang daripada rokok

KAJIAN Perikatan Kawalan Tembakau Asia Tenggara (SEATCA) pada 2023 mendedahkan, 30 peratus pengguna rokok elektronik di Malaysia berusia antara 12 hingga 15 tahun.

Trend gaya hidup rokok elektronik atau vape yang sedang giat dipupuk di Malaysia amat membimbangkan terutamanya apabila melibatkan generasi muda yang seharusnya dibentuk menjadi pemimpin dan modal insan berkualiti untuk masa depan negara, tetapi kini terjebak dengan ketagihan yang boleh menjiskan potensi mahupun kesihatan mereka.

Pemasaran vape menyasarkan golongan muda kerana mereka tahu membina kesetiaan terhadap jenama sedari kecil adalah umpama menanam benih yang akan berkembang menjadi hubungan bersifat candu dalam jangka panjang.

Justeru, langkah kerajaan mengharamkan vape kepada kanak-kanak dan remaja dengan menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) memperlihatkan keprihatinan serta komitmen serius kerajaan bagi membendung kemerosotan tahap kesihatan awam dan melindungi kesejahteraan generasi akan datang.

Mereka menyasarkan generasi baharu terutamanya kanak-kanak serta remaja, melalui strategi pemasaran yang memfantasikan vape sebagai gaya hidup moden dan tidak berbahaya, sedangkan hakikatnya, vape boleh menyebabkan ketagihan selain pelbagai masalah kesihatan yang serius.

Golongan kanak-kanak dan remaja lebih mudah mengalami ketagihan kerana otak mereka masih dalam proses perkembangan. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan risiko ketagihan, tetapi juga boleh memberi kesan jangka panjang terhadap tumpuan, pembelajaran dan kawalan diri mereka.

Kawalan pemasaran yang lemah menyebabkan mereka berjaya memanipulasi kanak-kanak dan remaja dengan mencipta daya tarikan terhadap produk ini.

Menurut laporan Indeks Gangguan Industri Tembakau Global 2023, campuran industri tembakau dalam pembentukan dasar melalui rasuah, lobi, penyelidikan palsu atau ancaman tindakan

undang-undang kekal sebagai halangan terbesar untuk kerajaan menangani ancaman tabiat merokok.

Laporan ini menyebut, pihak berkepentingan dalam industri ini terus berusaha dengan gigih untuk melemahkan usaha kawalan tembakau dan sentiasa berkerja ke arah untuk menarik golongan muda kepada produk mereka.

Demi kesejahteraan rakyat, kerajaan perlu sentiasa peka dan proaktif dalam menangani pelbagai strategi yang digunakan yang boleh menjiskan keberkesanan dasar kawalan tembakau.

Dasar kawalan tembakau yang berasaskan bukti saintifik terbukti berkesan dalam melindungi kesihatan awam dan menyelamatkan nyawa.

Oleh itu, penting bagi kerajaan untuk terus memantau dan mengambil langkah proaktif terhadap sebarang usaha yang boleh menjiskan keberkesanan dasar tersebut, terutamanya daripada pihak industri yang berkepentingan.

Penguatkuasaan yang berkesan adalah kunci yang boleh menghentikan penularan gejala vape dalam kalangan generasi muda dan memastikan masa depan negara tidak terancam akibat kemudaratan produk berbahaya ini.

Kerjasama erat antara kerajaan dan masyarakat sivil dapat memperkukuhkan usaha ini melalui pemantauan berterusan, melaporkan pelanggaran undang-undang, memberi hukuman yang berat, mengadakan program kesedaran dan pembangunan sistem sokongan untuk individu yang ingin berhenti merokok.

Usaha bersepadu antara kerajaan dan rakyat adalah kunci untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Dengan kerjasama erat dari semua pihak, kita mampu membendung penularan gejala yang tidak sihat dan bahaya.

Mari kita bersama-sama menjadikan Malaysia negara yang lebih sihat dan sejahtera untuk generasi hari ini dan masa hadapan.

BASMIN MAAROF
Pegawai Jabatan Komunikasi
Korporat Pertubuhan IKRAM Malaysia



PENGUATKUASAAN yang berkesan adalah kunci yang boleh menghentikan penularan gejala vape dalam kalangan generasi muda.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEWS/ NATION

BULLYING IN HEALTHCARE

Dzul vows transparency in probe into doctor's death

FINDINGS by the independent committee probing the death of specialist doctor Dr Tay Tien Yaa will be made public.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said action would be taken if there was evidence of bullying in the case.

"In 2018, I set up an independent committee to probe a bullying case. It resulted in action against the head of a department at a public hospital in the Klang Valley, even though he had the rank of Jusa (senior public sector key position) at the time.

"When the findings (for Dr Tay's case) are presented to us, we will not keep it secret. We will reveal it based on the principles of accountability, responsibility and transparency."

Dr Dzulkefly was responding to a question by Howard Lee (Pakatan Harapan-Ipoh Timor) on actions the ministry had taken following Dr Tay's death.

The Lahad Datu Hospital pathologist was found dead in her home in Lahad Datu on Aug 29.

Her family claimed she was mistreated and forced to work long hours, contributing to her suicide.

Dr Dzulkefly said the findings from the probe would be taken into account during policy-making, adding that policies must be formulated based on facts.

He said the committee would conduct a thorough, independent and inclusive investigation to identify the cause of Dr Tay's death and look into whether bullying was involved.

"The team will provide a report within three months from the date of establishment.

"The ministry will not compromise on bullying. The ministry will be firm and transparent and will make public the results of the investigation once it is done."

He said the ministry would give the committee a three-month extension to conduct its investigation and address issues related to bullying in the ministry.

In a related matter, Dr Dzulkefly said the ministry was investigating the 2018 death of a doctor



Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.
BERNAMA PIC

at Seberang Jaya Hospital allegedly linked to bullying.


He said an internal investigation was launched into the case after a complaint was received.

"Some parties claim that the ministry is slow to act to curb bullying among healthcare workers, but the ministry launches internal investigations immediately after a complaint is received, just like in 2018.

"This includes a case that Yang Berhormat may not know about, a death at Seberang Jaya Hospital. It is said to be related to bullying. I am waiting for the results of the internal investigation."

He was responding to Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Perikatan Nasional-Kuala Langat), who asked about bullying allegations involving the head of a pathology department and a pathologist.

Yunus claimed no action was taken despite police reports, submissions to the ministry's integrity unit and a letter to the minister's office.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS/ NATION

DETOXIFYING THE WORKPLACE

Mental health inclusivity

This year's World Mental Health Day highlights the vital connection between mental health, work

DATUK DR MUHAMMED RADZI ABU HASSAN AND DR RABINDRA ABEYASINGHE
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

In today's fast-paced world, where nearly 60 per cent of the global population spend a significant portion of their lives at work, the mental health of employees has become a critical issue.

This year's World Mental Health Day highlighted the vital connection between mental health and work. The workplace environment can either exacerbate or alleviate mental health conditions, making it both a risk and a protective factor.

High stress levels, job insecurity and poor work-life balance are common risk factors that negatively impact employees' mental health.

Conversely, supportive management, a positive work environment and access to mental health resources can promote mental health and well-being.

CHANGING EMPLOYMENT LANDSCAPE IN MALAYSIA

Recent findings from the National Health and Morbidity Survey revealed the prevalence of depression in Malaysia has doubled between 2019 and 2023.

The highest rates of depression are found among people aged 16 to 19, followed by those aged 20 to 29 and 30 to 39.

These age groups are integral parts of the future and current workforce, and their mental health issues must be addressed to prevent more severe conditions.

Economic challenges and higher living costs may lead some to take on extra work online, further increasing the stressors on one's mental health.

A report by the Malaysia Digital Economy Corporation showed significant growth in the local gig economy, with more than 100,000 new participants between 2022 and 2023.

This brings new stressors such as the experience of social isolation if working alone or remotely, uncertainty and instability of income and anxiety for the future due to market competitiveness, perceptions about artificial intelligence and the lack of

social protection.

The impact of mental health issues in the workplace is profound. Economically, poor mental health leads to decreased productivity, increased absenteeism and higher turnover rates.

Globally, it is estimated that 12 billion working days are lost each year due to mental health conditions like depression and anxiety, costing the global economy US\$1 trillion in lost productivity.

Poor mental health in the workplace can also impact the working environment and interpersonal relationships, leading to increased tension and conflict, workplace harassment, bullying, discrimination and exclusion.

Outside of the workplace, the impacts of poor working environments can extend to families and communities affecting interpersonal relationships and lifestyle choices.

In healthcare settings, the challenges are particularly acute.

Healthcare professionals often work in high-pressure environments with long hours, high patient loads and the emotional toll of dealing with illness and death.

These factors can contribute to burnout, anxiety and depression. Additionally, toxic work environments characterised by lack of support, inadequate staffing and poor management can exacerbate these issues.

Healthcare workers may also face bullying and harassment from colleagues or superiors.

The lack of a respectful workspace can significantly affect employees' mental health across various sectors. A respectful workspace is one where employees feel valued, heard, and supported.

When this is lacking, employees may experience feelings of isolation, low morale, and decreased motivation. This can be particularly detrimental in high-stress professions, where the absence of respect and support can lead to severe mental health issues.

NEED FOR SUPPORTIVE AND INCLUSIVE WORKPLACES

As such, it is essential to invest in mental health support and foster inclusive workplaces that accommodate the needs of all employees, including those with mental health conditions.

Creating such environments can yield substantial economic bene-

Creating such environments can yield substantial economic benefits, as well as improve familial and community well-being.

feel valued,



The lack of a respectful workspace can significantly affect employees' mental health across various sectors. A respectful workspace is one where employees feel valued, heard and supported. PIC COURTESY OF HEALTH MINISTRY

fits, as well as improve familial and community well-being.

However, many people with mental health conditions face barriers in securing and maintaining employment due to stigma and discrimination, which not only threatens their economic stability but can also exacerbate their mental health issues.

A safe and healthy work environment is a right for all, and addressing these barriers can help mitigate the risk factors associated with unemployment and poor mental health, benefiting the entire community.

Workplaces can become more supportive by implementing interventions that prevent mental health conditions, promote positive mental health, and support employees with mental health issues.

These interventions can include improving working conditions, creating an enabling and respectful workplace, providing manager training in mental health, and offering supported employment initiatives and return-to-work programmes.

The Health Ministry has recently taken an important step by collaborating with the Human Resources Ministry through a memorandum of understanding between the National Centre of Excellence for Mental

Health and the National Institute of Occupational Safety and Health for mental health at the workplace.

There is also an existing programme called the KOSPEN-WOW to increase awareness of mental health issues at work.

There is, however, a need to further enhance the current scope of services to include quality promotive and preventative services in the community for support.

ROLE OF COMMUNITY NETWORKS AND DEINSTITUTIONALISATION

Deinstitutionalisation refers to the process of shifting mental health care from large, centralised institutions to community-based settings.

It emphasises the importance of integrating individuals with mental health conditions into society, allowing them to live more independently and with dignity.

Creating mental health-inclusive and supportive workplaces can enhance support within the community.

These networks play a vital role and are a step towards destigmatising mental health conditions and deinstitutionalisation.

They can provide essential services such as peer support groups, mental health education, and local resources that help individuals manage their conditions.

These networks can work in tandem with workplace initiatives to create a comprehensive support system.

By fostering mental health-inclu-

sive workplaces, we can support this transition by ensuring that individuals have access to services that protect their mental health and that people with such conditions have access to similar services and employment opportunities, preventing further marginalisation.

Addressing mental health at work is not just a moral imperative but also an economic one, as it can lead to increased productivity, reduced absenteeism, a more harmonious work environment and ultimately happy families and communities.

As we observe World Mental Health Day, let us commit to transforming our workplaces into environments that prioritise mental health and well-being.

Employers, policymakers and community leaders must work together to create supportive, inclusive and respectful workplaces.

By investing in mental health resources, promoting inclusive workplaces and supporting mental health in both the workplace and communities, we can foster a healthier, more productive society.

It's time for employers to recognise the importance of mental health and take proactive steps to support their employees' well-being both professionally and personally.

Dr Muhammed Radzi is the Health director-general and Dr Rabindra is the World Health Organisation representative for Malaysia, Brunei and Singapore

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Health Ministry to act after death probes conclude

THE Health Ministry is investigating another case of a medical practitioner's death at Hospital Seberang Jaya, the Dewan Rakyat was told.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said an internal investigation into the case was carried out immediately after the ministry received a complaint about the incident.

He also did not rule out the possibility of setting up an independent committee to thoroughly examine the case before further action is taken.

"I am aware that some parties claim the ministry is slow in taking action to curb bullying cases

involving medical practitioners but the ministry has been conducting internal probes the moment we receive complaints, just as we did in 2018," he said in response to a supplementary question from Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat).

The 2018 case Dzulkefly was referring to was over the dismissal of a department head at a Health Ministry-run hospital in the Klang Valley after the doctor was found to have bullied another doctor.

Dzulkefly said that unknown to Dr Ahmad Yunus, the ministry has already begun investigating the death of a doctor at the Seberang Jaya hospital.

"I am waiting for the findings of the internal investigation," he said.

The Star reported that Dr Ch'ng Hool Ping was found dead on June 27 in her car in the hospital parking lot due to fluid in the lungs.

Her sister believes that her untimely death was caused by overwork and exhaustion due to inadequate rest, adding there were no signs of bullying nor were there indications that Dr Ch'ng had mental health problems.

The post-mortem report found no foul play and acute pulmonary edema was identified as the cause of death.

Answering to a question from Howard Lee (PH-Ipoh Timur), Dzulkefly said the findings of the independent committee established to investigate the death of a pathology specialist at Hospital Lahad Datu will be made public.

Dr Tay Tien Yaa was found dead in her rental unit on August 29, following allegations of workplace bullying.

Dzulkefly also gave an assurance that he would take appropriate action against parties involved if there were elements of bullying in the case, even if the findings of the independent committee found no criminal element associated with the specialist's death.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Health Ministry to disclose findings on pathologist death

KUALA LUMPUR: The Health Ministry will disclose findings of an independent committee investigating the death of a pathology medical officer at a hospital in Lahad Datu, who was allegedly bullied at work.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad emphasised that he would not compromise on the matter and would release the report in the interest of accountability and transparency, once it is completed.

"It is crucial that this is done so that all parties, including the perpetrators, policymakers and implementers, can learn from it.

"We need to understand the

situation in detail and comprehensively so that we can draw lessons and establish policies based on evidence and accurate information," he said during the minister's question time in the Dewan Rakyat yesterday.

He was responding to an additional question from Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur), who inquired whether the ministry planned to present the committee's findings to the public.

Dzulkefly noted that the independent committee has been tasked with investigating the case for three months, beginning on Oct 10, and granted another three months to

look into allegations of bullying in ministry healthcare facilities nationwide.

The committee, chaired by former chief secretary to the government Tan Sri Borhan Dolah, includes former Science, Technology, and Innovation Ministry secretary-general Prof Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, and Universiti Malaya Medical Centre senior consultant pathologist, Distinguished Prof Datuk Dr Looi Lai Meng.

The other members are Universiti Kebangsaan Malaysia Faculty of Medicine, Psychiatry Department senior consultant psychiatrist Prof Dr Chan Lai Fong, Public Service Commission member Datuk

Dr Azman Abu Bakar, and Medical Device Authority board member and former Health Ministry legal advisor Datuk Mohamad Fazin Mahmud.

The media had reported that a specialist doctor at a hospital in Lahad Datu was found dead at her residence on Aug 29, with suspicions that her death was linked to workplace bullying.

Meanwhile, Dzulkefly noted that the ministry is investigating another case involving a doctor at a hospital in Seberang Jaya, Penang, who died in June, also believed to be connected to bullying and extreme workload issues.

"I will take note of whatever

findings, facts and figures, or any data and information. I will not take it lightly, jump to conclusions, or make accusations, especially considering the issue of inadequate staffing at Hospital Seberang Jaya.

"We will also conduct an initial investigation into this new case."

The media had reported that a female doctor was found dead in her car in the parking lot of the hospital in June.

He assured that the ministry will not compromise in addressing bullying cases and is committed to promoting a fair work culture, and a respectful environment within its healthcare facilities. - Bernama